

CETTIAR DI TANAH MELAYU PADA ABAD KE-20

Azharudin Mohamed Dali

Abstract

Previous study on Chettiar has argued that this group of businessmen has a long tradition in the economic history of this country. Since the end of 18th century and the early 19th century, the Chettiar has played the most important role in the moneylending sector in Malay States and it became obvious that their activities has become unseparated in the economic history of Malaya in general and in Malay States in particular. Without the Chettiar involvement, the economic history of this country could have a different history. This article is a study on the role of the Chettiar, not only in moneylending activities, but also their active involvements in other economic sectors such as trade, mining and rubber estates since the 19th century, but, increase significantly in the 20th century. The 'Chettiar networking', which started at small town at Ramnad, Tamil Nadu in India was widely spread throughout Southeast Asia including Myanmar, Thailand, Indochina and Malay States. At the end, this article also examines the relationships between the Chettiars with the Malays and how in several cases, the Malays lost their land because of their indebtedness to Chettiars.

Pengenalan

Tanah Melayu telah mempunyai hubungan langsung dengan India sejak awal abad masihi lagi. Hubungan ini membawa kepada kedatangan orang India ke sini, khususnya melalui kegiatan perdagangan. Kegiatan perdagangan ini sememangnya telah lama wujud dalam kalangan masyarakat India terutama bagi penduduk di pesisiran Malabar dan Koromandel. Tradisi kukuh yang dipegang oleh 'maritime merchant' yang kebanyakannya adalah pedagang India Muslim telah berakar dan terus berkembang dari zaman ke zaman.¹

Kehadiran mereka ke Tanah Melayu secara pesat berlaku sejak penghujung abad ke-18 dan semakin ketara sejak abad ke-19 dan ke-20. Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi sosio-budaya, ekonomi dan pemerintahan masyarakat tempatan. Mereka bukan sahaja terbabit dalam aktiviti perdagangan malah turut terlibat dalam politik negeri-negeri Melayu. Selain pedagang India Muslim, satu lagi kelompok yang aktif dalam sejarah perdagangan dan keusahawanan di Tanah Melayu ialah golongan Cettiar.

Latar Belakang Masyarakat Cettiar

Dalam konteks negara ini, istilah yang seringkali digunakan untuk merujuk masyarakat Cettiar adalah Ceti. Kamus Dewan sendiri misalnya menjelaskan bahawa Ceti adalah 'peminjam (pelepas) wang keturunan India yang mengenakan bunga yang tinggi'. Malah penjelasan lain menyebut bahawa Ceti ialah orang India dari Coromandel atau Malabar.² Dalam hal ini, sebagaimana yang akan dijelaskan lebih lanjut dalam tulisan ini, terdapat sedikit permasalahan dalam penggunaan istilah ini. Sejak 1920-an misalnya, masyarakat Cettiar meminta supaya penggunaan istilah Ceti atau Chetty tidak digunakan untuk merujuk masyarakat ini kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan dengan masyarakat peranakan India yang juga dikenali sebagai Ceti.

Aktiviti ini membabitkan pedagang-pedagang India dan ia berlangsung sejak dari era pra-penjajahan hingga ke zaman penjajahan Barat.³ Antara golongan pedagang India yang penting ialah pedagang India Muslim, Sindhi, Gujrati dan Cettiar. Malahan kehadiran pedagang-pedagang ini ke rantau Asia Tenggara dan Tanah Melayu disifatkan sebagai, '*a thread of continuity between the traditional pre-industrial world and the modern industrial era*'.⁴

Cettiar yang menjadi fokus perbincangan dalam tulisan ini merujuk kepada sekelompok masyarakat yang berasaskan kepada kasta yang sama di India selatan atau lebih tepat lagi di sekitar Madras. Golongan Cettiar sangat sinonim dengan pekerjaan mereka yang terbabit dalam aktiviti peminjaman wang, meskipun dalam keadaan tertentu mereka turut terbabit dalam bidang pertanian dan sebagainya. Dalam keadaan ini, satu sub-kasta yang sangat dominan dikenali sebagai Nattukkotai Cettiar yang secara spesifik berasal dari kawasan yang dikenali sebagai Chettinad, sebuah daerah yang menganjur di bahagian timur daerah Ramnad (Tirupattar dan Darukkotai) dan sebahagian wilayah Padukottai di Tiruchapalli di Madras. Menurut seorang pengkaji, mereka turut dikenali sebagai Nagarathar⁵ yang bermaksud 'penduduk bandar' berasaskan kepada petempatan asal mereka di India, iaitu di bandar Poompuhar, Tamil Nadu.⁶

Golongan ini turut dikenali sebagai Vanikar dan berdasarkan Tolkappiyam yang merupakan karya kesusteraan dan bahasa Tamil mengatakan bahawa masyarakat Cettiar merupakan "...when going abroad for trade, the wives do not follow".⁷ Pembabitan mereka dalam bidang perbankan dan peminjaman wang boleh diselusuri sejak zaman Chola pada abad ke-12 hingga abad ke-13 Masihi serta menjadi tulang belakang ekonomi empayar tersebut.⁸ Menarik lagi, kajian yang dilakukan oleh S. Arasaratnam turut menunjukkan bahawa

golongan Cettiar turut aktif membabitkan diri dalam aktiviti perdagangan sekitar 1650-an hingga 1750-an. Nama-nama seperti Colloway Chetty, Venkata Chetty, Viabu Chetty dan Godavary Goorway Chetty terbabit dalam aktiviti perdagangan tekstil serta membuat hubungan langsung dengan Syarikat Hindi Timur Belanda (VOC).⁹

Golongan Cettiar disifatkan sebagai "*highly communal in outlook [and] possessed few organic ties with the rest of Indian society*".¹⁰ Mereka juga disebutkan sebagai "...*very close knitted conservative community with very little intercourse with the outside world*".¹¹ Meskipun beragama Hindu, namun masyarakat Cettiar dikatakan mempunyai sistem sosial yang tersendiri:

In a traditional Chettyar home...all sons lived with the father even after marriage...sons at a young age were sent as agents of a relative to some distant place, overseas if necessary, with a certain sum of money....At the end of [a] three year term some other relative was sent to take over from him, and he returned home to render account to his employer.¹²

Pembabitan Nattukkotai Cettiar yang secara tradisinya terbabit dalam bidang peminjaman wang telah berkembang di seluruh India pada awal abad ke 19 dan menjelang 1870-an dan 1880-an, aktiviti mereka telah melebar ke luar India. Meskipun pusat operasi mereka masih kekal di Madras, namun agen-agen Cettiar telah diwujudkan di Afrika Selatan, Mauritius, Sri Lanka, Myanmar, Vietnam, Indonesia dan Tanah Melayu. Kehadiran dan pertapakan British di Tanah Melayu telah membuka ruang besar kepada Cettiar untuk melebarkan aktiviti mereka. Di negara-negara ini, Cettiar memainkan peranan penting dalam hal ehwal peminjaman wang. Menjelaskan lebih lanjut mengenai jaringan aktiviti golongan Cettiar ini, Rajeswary Ampalavanar Brown menjelaskan;

The Chettiar network had been built upon a complex structure of interdependent family firms involved in moneylending and commodity trading, both in India and overseas. It was a caste-based network in which individuals invested funds and supported special institutions, both financial and cultural, for accumulating and distributing reserves of capital. The business structure was based on flexible partnership in which members of the same family might be partners in several different firms. This created an inter-locking community of moneylenders. Each partnership operated through overseas agencies, the agents being the younger partners sent out to manage an agency on three-year terms. Each agent received an advance, a monthly salary and a share in the agency's profit. Central control was exercised through the submission of full accounts each week or month. The community's cohesiveness, reinforced by temple and caste discipline, ensured the coordinated functioning of the overseas agencies.¹³

Dalam konteks Asia Tenggara, Cettiar telah meletakkan tapak operasi dan aktiviti mereka di Myanmar terlebih dulu sebelum berkembang ke Tanah Melayu. Dari Burma, aktiviti peminjaman golongan Cettiar akan merebak ke kawasan lain di Asia Tenggara, termasuklah di Tanah Melayu. Kehadiran Cettiar ke Asia Tenggara dilihat sangat sistematik di mana agen-agen mereka akan dihantar secara kontrak dan setelah tamat akan diganti pula dengan agen yang lain.

Tuan punya perniagaan ini, selalunya dikuasai oleh sesuatu keluarga yang terkenal, tinggal di India dan segala kegiatan pemberian pinjaman dikendalikan oleh ejen-ejen mereka. Selalunya seseorang ejen itu akan menjalankan perniagaan secara kontrak selama tiga tahun, kemudian digantikan pula oleh ejen yang lain.¹⁴

Menyentuh mengenai kehadiran Cettiar di rantau Asia Tenggara, meskipun Myanmar sering sahaja dilihat sebagai tapak pertama golongan ini, namun menurut seorang pengkaji, S. Jeyaseela Stephen, kehadiran Cettiar di Asia Tenggara sebenarnya telah pun berlaku sejak abad ke-16 lagi. Mereka telah memberikan perhatian dan membabitkan diri dalam berbagai aktiviti perniagaan di beberapa pelabuhan di Thailand, terutamanya di Tennaserim dan Ujung Salang (Phuket). Dengan menggunakan sumber Portugis, S. Jeyaseela Stephen mengatakan,

Portuguese sources that describe the ports of Thailand do mention the availability of rich merchandise such as gold, silver, benzoin, lacquer and tin. These ports of Thailand were frequented by the Tamil Muslim Marakkayar merchants and Tamil Hindu Chetti traders of Tamil coast.¹⁵

Berasaskan hal ini, didapati bahawa kehadiran Cettiar di rantau Asia Tenggara (dalam kes ini merujuk Thailand) telah pun berlaku sejak dari awal. Walau bagaimanapun, masih tidak terdapat bukti lain tentang pembabitan golongan Cettiar dengan aktiviti peminjaman wang di Thailand, sebagaimana yang dilakukan oleh golongan ini di Myanmar dan Tanah Melayu. Di Myanmar, pusat operasi mereka adalah di Rangoon. Michael Adas yang melakukan kajian terhadap aktiviti penanaman padi di kawasan di Delta di Myanmar mengatakan bahawa firma peminjaman wang Cettiar ini bersifat kekeluargaan. Selain itu, hal ehwal mengenai aktiviti mereka serta kehidupan turut dibincangkan di kuil yang mereka dirikan. Di Myanmar, kuil di Mogul Street menjadi tumpuan utama. Di sini '*...Chettiars held periodic meetings, determined current interest rates, settled disputes, formed common opinions regarding important political issues...*'¹⁶

Hal ini sebenarnya menjadi asas penting dalam melihat aktiviti Cettiar kerana aspek keagamaan turut dikaitkan dengan aktiviti mereka, malah Adas turut mengatakan bahawa pada 1930-an kuil masyarakat Cettiar di Rangoon

turut dikenali sebagai 'Chettiar Exchanges'. Dalam keadaan ini, '*Repayment of advances are guaranteed by religious sanctions as no money-lender will want to disappoint or cheat the owner of the temple fund, Lord Subramaniam himself*'.¹⁷ Malahan menarik juga untuk disebutkan di sini bahawa kebanyakan kuil masyarakat Cettiar didedikasikan kepada Lord Subramaniam, iaitu anak kepada Dewa Siva. Meskipun perjalanan sesebuah kuil dilakukan oleh sebuah jawatankuasa, namun pengerusi bagi jawatankuasa tersebut ialah Lord Subramaniam sendiri yang juga dikenali sebagai Chetty Murugan. '*The appointment of one of the major deities of the Hindu pantheon as chairman to righteousness the Chettiar place into their business activities*'.¹⁸ Di Myanmar, pada 1910 terdapat kira-kira 350 firma Cettiar dan berkembang menjadi 1650 pada 1930.¹⁹

Sejajar dengan perkembangan dalam sektor perlombongan dan perladangan serta pembangunan bandar yang semakin pesat, tenaga buruh dari India sangat diperlukan bagi memenuhi tenaga kerja dalam sektor tersebut. Lebih penting lagi, kehadiran imigran India ini wujud dalam ruang lingkup pekerjaan yang khusus. Misalnya, buruh India ditempatkan di ladang getah dan sebahagian besarnya adalah dalam kalangan orang Tamil dari selatan India, orang Tamil dari Ceylon pula bekerja di jabatan-jabatan kerajaan, terutamanya sebagai kerani, orang Sikh pula menjadi anggota polis dan pengawal keselamatan sementara orang Cettiar pula bertumpu kepada aktiviti peminjaman wang.²⁰

Berbanding kehadiran majoriti buruh India yang datang ke Tanah Melayu kerana tertarik untuk memenuhi ruang-ruang pekerjaan yang wujud dalam sektor perladangan, kehadiran golongan Cettiar pula lebih bersifat komersial dan lebih tertarik kepada ruang perniagaan dan memperluaskan operasinya. Pada awal abad ke-20, golongan ini disifatkan sebagai '*the most go-ahead of all the trading castes in the south and that their first and chiefest aim is to make as much money as possible*'.²¹ Laporan lain pula mengatakan bahawa '*they are always keen on their trade and to make money and to become rich is their sole aim at all times*'.²²

Cettiar mula bertapak dan memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan serta peminjaman wang di Tanah Melayu. Bermula pada abad ke-18 dan pengaruh kehadiran mereka dapat dirasakan di Melaka. Penting juga untuk dinyatakan bahawa golongan Cettiar yang dibincangkan dalam penulisan ini bukan merujuk kepada masyarakat Chitty (ceti) yang terdapat di Melaka. Masyarakat ceti merupakan sebuah kelompok kecil yang terdapat di Gajah Berang, Melaka. Mereka beragama Hindu namun mengamalkan sedikit sebanyak kebudayaan Melayu hingga menyebabkan mereka lebih disifatkan sebagai sebuah masyarakat Peranakan.²³

Sememangnya terdapat sedikit permasalahan dalam menjelaskan mengenai hal ini. Ini kerana masyarakat ceti atau peranakan ini sering kali juga dirujuk sebagai Ceti, yakni sebutan yang sama yang digunakan bagi Cettiar. Masyarakat Melayu misalnya merujuk istilah Ceti untuk masyarakat Cettiar

hingga ia sedikit sebanyak menyumbang kepada permasalahan tersebut. Penelitian terhadap sumber-sumber di Arkib turut menjelaskan wujudnya permasalahan dalam soal peristilahan dan panggilan ini. Surat bertarikh 29 Mei 1924 oleh Maxwell dan Kenion kepada Setiausaha Kerajaan menyebutkan bahawa masyarakat Cettiar meminta supaya kerajaan menggunakan istilah itu bagi menggantikan istilah Chetty yang digunakan sebelumnya. Antara lain kandungan surat tersebut menyebut:

We are instructed by the committee appointed at a conference of Chettiars of Malaya held in Ipoh on the 19th and 20th May to respectfully request that the Governments of the Federated Malay States and Straits Settlements may be pleased to use the term 'Chettiar' in place of the word 'Chetty' in all official notices and correspondence and to issue the necessary instructions to all Government officers to do the like. The term "Chetty" is we are instructed incorrect and the correct term is "Chettiar".²⁴

Dalam mengulas lebih lanjut mengenai isu perkataan Cettiar ini, surat bertarikh 24 Jun 1924 yang ditandatangani oleh A. S Jelf yang disebut sebagai pegawai yang mengawal hal ehwal buruh menyebut hal ini.

The Chettiar caste is the third of the four main caste divisions among the Hindus. The Chettiars in this country very rarely belong to this caste. Most of them are Nattukottai Chetties, and as such belong to the Sudra Caste, the fourth of these main caste divisions. The Chettiar caste are, in general, merchants and traders: Money lending is a subsidiary business with them. The Nattukottai Chetties are primarily lenders. Chettiars do not as a rule leave India unless there is some reason behind their doing so. As with the Brahmmins, until recently it was considered a breaking of the caste to go overseas...²⁵

Dalam masa yang sama, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa kehadiran Cettiar di Tanah Melayu telah bermula hanya pada pertengahan abad ke-19 dengan memberikan tumpuan kepada NNS. Hans-Dieter Evans mengatakan bahawa:

...it appears that some connections with Southeast Asian countries must have started in the early 1800s, but the main migration and expansion of Chettiar activities abroad must have occurred after 1870, when British rule was established in Burma and Malaya.²⁶

Pandangan ini turut disokong oleh C. M. Nair:

Among Indians commercial groups were the Chettyar, a Tamil caste of businessmen and financiers, with a long historic tradition in such

activities. Chettyar must have moved into the Strait Settlements by the middle of the nineteenth century.²⁷

Kehadiran Cettiar sekitar pertengahan abad ke-19 ini mempunyai kaitan langsung dengan perkembangan yang berlaku dalam aktiviti penanaman getah. "*These chettiars, money lenders by occupation, rushed to Malaya in the early years of century, influenced by the country fantastic rubber boom at the time*".²⁸

Selain Melaka, masyarakat Cettiar turut bertapak di Pulau Pinang dan Singapura. Pertapakan awal Cettiar di Singapura diperkirakan bermula pada 1938. Pertapakan awal mereka adalah di Market Street dan River Valley Road. Malahan pengaruh mereka telah menyebabkan sebahagian nama-nama jalan menggunakan nama golongan Cettiar seperti Meyappa Chettiar Road, Arunasalam Chetty Road, Narayanan Chetty Road dan Muthu Raman Chetty Road.²⁹ Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, pertapakan mereka di sesebuah kawasan ditandakan dengan kewujudan kuil yang turut menjadi pusat tumpuan aktiviti mereka. Di Singapura, antara kuil terawal yang diwujudkan oleh masyarakat Cettiar ialah pada 1855.³⁰ Pengaruh mereka semakin terasa pada 1930-an apabila aktiviti Cettiar turut melebar kepada aktiviti penanaman padi yang sedang mengalami pertumbuhan yang pesat hingga turut memberi kesan langsung kepada perkembangan ekonomi Tanah Melayu.

Aktiviti Cettiar di Tanah Melayu

Sejak awal abad ke-20, pembabitan Cettiar di Tanah Melayu lebih bertumpu kepada memberi pinjaman wang kepada penanam padi, pelombong bijih dan peladang. Mereka enggan membabitkan diri dalam hal ehwal hartanah. Mereka lebih gemar untuk berada di belakang tokoh seperti Yap Ah Loy dan Loke Yew yang menggunakan modal yang dipinjam daripada kalangan Cettiar dalam usaha mengembangkan aktiviti mereka di Tanah Melayu. Malahan Tan Cheng Lock turut meminjam wang dari Cettiar untuk menggerakkan aktiviti perniagaannya.

Tan Cheng Lock dan masyarakat Cina di Melaka dikatakan telah meminjam wang sebanyak \$10 juta pada 1921.³¹ Hal ini pastinya tidak menghairankan apabila mengenangkan hubungan erat antara Tan Cheng Lock dengan Cettiar terutamanya O. A. R. Arunasallam Cettiar. Dalam konteks ini Cettiar masih lagi disifatkan sebagai '*short term moneylender*' yang sangat digemari oleh golongan peminjam. Walau bagaimanapun, perkembangan ekonomi abad ke-20 sebenarnya melalui perubahan yang sangat pesat di Tanah Melayu amnya dan negara-negara Asia Tenggara secara keseluruhannya.

Dalam usaha Cettiar untuk mendapatkan modal, mereka juga sangat bergantung kepada bank-bank konvensional yang merupakan bank-bank barat, terutamanya bank British sama ada di India, mahupun di Asia Tenggara. Dalam hal ini, golongan Cettiar dapatlah disifatkan sebagai 'orang tengah' antara masyarakat tempatan dan modal barat. Wang yang dipinjam ini akan dipinjamkan pula kepada masyarakat yang memerlukannya dengan kadar bunga yang tinggi. Ini merupakan kaedah yang digunakan oleh Cettiar dalam aktiviti penting.

Selain itu, kemudahan perbankan yang terhad di Tanah Melayu telah menyebabkan pengaruh golongan Cettiar menjadi bertambah pesat.³² Selain itu, salah satu sumber modal yang penting yang digunakan oleh Cettiar diperolehi dari Madras iaitu ibu pejabat bagi firma-firma pinjaman wang Cettiar, keuntungan dari aktiviti tempatan serta keuntungan dari aktiviti pengiriman wang antara komuniti India di Asia Tenggara dan India. Aktiviti ini dilaksanakan melalui *hundi* iaitu "a promissory note and perhaps the most common way by which remittances were transmitted. The Chettiars' profits from this trade came as much through arbitrage as from the discounting of hundis".³³ Hundi ini juga disifatkan sebagai "a kind of bill of exchange used by moneylenders but not 'true bankers'".³⁴

Contoh hundi yang digunakan oleh Cettiar

Form of Dharsana Hundi [Without Interest]

At sight of this sole of exchange, please pay _____ or order at
 _____ (place) the sum of Rs _____ (words) _____
 for value received in cash.

(Signature)

To
 M. R. Ry. _____

Sumber: Di sesuaikan dari David Rudner, "Banker's Trust and the Culture of Banking among the Nattukottai Chettiars of Colonial South India, *Modern Asian Studies*, Vol. 23, No 3, hlm. 454

Walau bagaimanapun, perkembangan pesat yang berlaku, terutamanya dalam konteks persaingan antara kehendak komersil dan ekonomi yang berasaskan barangan dan modal, telah menyebabkan kejatuhan modal China secara mendadak hingga menyebabkan peranan ini diambil alih oleh modal-modal Barat. Hal ini jelas berlaku dalam aktiviti perlombongan bijih timah, peleburan bijih, perdagangan dan seumpamanya. Seajar dengan ini, wujud perkembangan pesat dalam perdagangan beras dan tekstil yang telah menarik pembabit pedagang dan pemodal India. Keadaan ini telah menyebabkan Cettiar yang pada asalnya lebih bersifat 'short term money lender' mula berubah dan bertindak seperti sebuah bank yang mengambil deposit daripada pelanggan-pelanggannya dan terbabit dalam pemilikan tanah. Perubahan ini berlaku menjelang 1917, apabila golongan Cettiar mula berjinak-jinak dalam 'fixed capital' seperti kilang, ladang getah, kawasan perumahan dan sebagainya. Ia juga merupakan kesan langsung daripada kegagalan peminjam wang untuk membayar pinjaman mereka hingga menyebabkan cagaran mereka dalam bentuk

tanah dan seumpamanya diambil oleh kalangan Cettiar. Pembabitan Cettiar dalam pelbagai sektor ini telah menyebabkan modal mereka menjadi agak besar di Tanah Melayu. Pada 1929 sahaja, Cettiar mempunyai 200 juta rupees di Tanah Melayu.³⁵ Pada 1941, jumlah aset Cettiar di Tanah Melayu pula berjumlah \$270 juta.³⁶

Peranan Cettiar dalam hal ehwal peminjaman wang di Tanah Melayu diperjelaskan lebih lanjut oleh Wee Hock Chye yang mengatakan "*In the days when banks had yet to open their doors in town anyone needing financial assistance had no alternative but to look up a money-lender. The town's available money-lenders at the time were Chettiars*".³⁷ Adalah penting untuk disebutkan bahawa sistem perbankan di Tanah Melayu berkembang agak perlahan. Pada 1888, Chartered Bank merupakan antara bank awal yang ditubuhkan di Taiping dan Kuala Lumpur, namun tidak mempunyai perkhidmatan yang berkaitan dengan pekerja ladang, pelombong dan sebagainya. Bank ini hanya memberikan perkhidmatan pinjaman kepada pekerja kerajaan sahaja. Keadaan ini telah secara langsung menyebabkan pengusaha ladang dan perlombongan membuat pinjaman dengan Cettiar.³⁸ *Selangor Journal* pada keluaran 1895 turut menyentuh mengenai aktiviti Cettiar di Tanah Melayu, khususnya di Kuala Lumpur dengan mengatakan hal ini:

The "Chetty ring" charge at least 24 per cent, interest on loan, and it is to the chetty everybody must go if he wants money, especially if he wants it in a hurry. Some misguided people seem to think that to borrow money is little short of a crime. As a matter of fact, it is only criminal to borrow money from a chetty if you happen to be a subordinate Government official, for then the proceeding, being suicidal, may possibly be criminal.³⁹

Sebagaimana yang telah disebutkan, aktiviti Cettiar turut merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dan bangsa. Cettiar memberi pinjaman wang kepada pengusaha Cina, termasuklah pinjaman jangka panjang kepada mereka yang terbabit dalam perladangan getah, kelapa sawit, perlombongan bijih timah dan sebagainya.⁴⁰ Pinjaman juga diberikan kepada kalangan peniaga India, pedagang, mahupun kakitangan kerajaan. Hubungan antara orang Cina dan Cettiar merupakan satu aspek menarik untuk diberikan perhatian. Bagaimana dan mengapa hubungan ini boleh wujud kerana orang Cina sendiri merupakan golongan yang memberikan pinjaman wang mahupun mempunyai sistem kewangan dan perbankan yang telah kukuh, terutamanya dalam konteks Asia Tenggara.

Dalam meneliti hal ini, didapati bahawa sistem kewangan, perbankan dan pinjaman yang wujud di kalangan orang Cina tidak meliputi semua golongan. Ini kerana masih terdapat pedagang dan peniaga kecil yang tidak termasuk dalam sistem kewangan ini. Mereka tidak dapat sumber pinjaman modal yang mencukupi hingga menyebabkan beralih kepada pihak Cettiar

bagi meneruskan aktiviti mereka. Pada 1910, hanya terdapat dua bank milik Cina di Tanah Melayu, sementara bank-bank Eropah pula keberatan untuk berurusan dengan para peladang getah.⁴¹ Dalam masa yang sama, bagi firma-firma besar pula, sumber pinjaman daripada Cettiar diperlukan kerana kaedah yang digunakan adalah mudah dan dalam jangka masa panjang. Dalam hal ini, Rajeswary Ampalavar Brown mengatakan,

They [Chettiar] financed Chinese millers in Saigon, Chinese traders and rubber producers in southern Siam, Chinese entrepreneurs in Burma, Chinese rubber smallholders and traders in Malaya and Sumatra, as well as urban retailers throughout the region...The Chettiars' acceptance business was crucial because western banks were committed to the financing of the western agency house produce trade, while the Chinese were heavily involved in mining, plantations, the marketing of produce and imported goods and the establishment of their own banks. The Chettiars played a key role in all these spheres through their loan provisions...It has been estimated that in the last half of 1930, Chettiars loaned \$100 million to Chinese rubber smallholders in Malaya.⁴²

Malahan pinjaman wang yang dilakukan oleh orang Cina kepada Cettiar dilihat sangat aktif pada tempoh 1909-1910, 1915-1917 dan 1919-1920 apabila harga getah tinggi. Dalam masa yang sama, jumlah faedah yang perlu dibayar oleh peminjam pula adalah berbeza-beza mengikut kawasan. Misalnya, di Kuala Lumpur dan daerah Ulu Langat, kadar faedahnya adalah antara 12-36% sementara di Semenyih pula antara 10-40%.⁴³ Perbezaan ini berdasarkan pemahaman Cettiar terhadap kedudukan sesebuah kawasan atau daerah sama ada ia berisiko tinggi atau sebaliknya. Penglibatan orang Cina dengan Cettiar sebenarnya turut dipengaruhi oleh perkembangan aktiviti Cettiar. Jika aktiviti berkaitan getah menjadi tarikan utama, perkembangan sektor perlombongan turut menarik perhatian Cettiar. Laporan *Selangor Journal* menunjukkan pada penghujung abad ke-19, Cettiar telah mula memberikan perhatian kepada aktiviti berkaitan dengan perlombongan. Ia disifatkan sebagai, "*The Chitty [sic] money lender is a great institution in the Native States [Malay States] and has a recent years taken a prominent part in the mining industry of Selangor*".⁴⁴ Di kalangan orang Cina di Selangor, terutama di kalangan pengusaha bijih timah, Cettiar dikenali sebagai Tai Ngee Loong atau 'Big Ear Holes'. Gelaran ini diberikan berdasarkan kepada adat di kalangan Cettiar yang menindik telinga mereka.⁴⁵

Pembabitan Cettiar dalam aktiviti ekonomi sama ada sebagai pemberi pinjaman wang mahupun terbabit dalam aktiviti ekonomi yang lain membolehkan mereka mempunyai kedudukan yang lebih baik berbanding masyarakat India seperti buruh Tamil dan sebagainya. Lebih penting lagi kedudukan ekonomi mereka juga adalah jauh lebih baik. Selain tumpuan diberikan kepada pembinaan kuil, Cettiar turut aktif dalam aktiviti sosial masyarakat keturunan India. Dalam

satu kes, Ramanujam Cettiar didapati telah mendermakan tanah miliknya untuk dijadikan tanah perkuburan yang boleh digunakan oleh penganut agama Hindu.⁴⁶ Dalam mengulas mengenai kepentingan Cettiar di Asia Tenggara, David Rudner mengatakan hal berikut.

They [Chettiar] dominated the role of mercantile intermediary between foreign British rulers and local populations by monopolizing important components of the credit, banking and agrarian systems of Southeast Asia. And they remitted huge amounts of capital from Southeast Asia back to their South Indian homeland for industrial investment and large-scale philanthropy.⁴⁷

Kepentingan Cettiar dalam konteks rantau Asia Tenggara dapat ditunjukkan melalui jadual di bawah:

Negara	Jumlah perniagaan	Sawah dan ladang (ekar)	Nilai aset dan tunai (million Rs.)	Jumlah Cettiar
Burma	1600	2, 800, 000	800	3000
Malaya and Singapore	1000	500,000	400	2000
Indo-China	200	200,000	100	400
Rest of East-Indies	150	15,000	1550	6800

Sumber: M. Nadarajan, "The Nattukkottai Chettiar Community and Southeast Asia", dlm. *Proceedings of the First International Conference Seminar of Tamil Studies*, Kuala Lumpur: Department of Indian Studies, 1968, hlm. Hlm. 257.

Cettiar dan Orang Melayu

Pada 1930-an, mereka dikatakan muncul sebagai antara pemilik tanah yang penting termasuklah estet-estet getah. Dari sejumlah 2,301 buah estet getah di Tanah Melayu pada 1931, Cettiar memiliki 242 buah ladang atau 10.5% dari jumlah keseluruhan.⁴⁸ Meskipun jumlah mereka lebih kecil berbanding pemilik Cina dan Eropah, namun begitu kehadiran mereka serta kemampuan mereka untuk menjadi pemilik estet getah masih lagi sangat penting dalam konteks sejarah ekonomi di negara ini. Lebih penting lagi, wujud persoalan mengenai kemampuan mereka memiliki tanah ini. Adakah pemilikan tanah ini berlaku kerana kegagalan peminjam wang daripada golongan Cettiar untuk membayar balik pinjaman mereka hingga cagaran mereka dalam bentuk tanah itu dilepaskan kepada Cettiar sebagaimana yang berlaku di Burma? Kajian J. S. Furnivall misalnya menjelaskan mengenai hal tersebut. Beliau mengatakan bahawa Cettiar

mampu menguasai tanah-tanah milik penduduk tempatan kerana kegagalan penduduk tempatan yang juga peminjaman wang melunaskan pinjaman mereka hingga menyebabkan cagaran mereka seperti tanah terlepas kepada kalangan Cettiar. Beliau selanjutnya mengatakan,

From around 1880, chettiar moneylenders, fanning out through the delta [of lower Burma], lent the Burmese cultivator so much money, far more than his needs, that the first reversal – a failure of the crop, illness, a loss of work animals, a downturn in the rice market – he lost his land. The Chettiar would then sell the holding, often with the advance of a further loan, to another cultivator, for the process to be repeated within two or three years. In this way... the Burmese cultivator was continually being driven from the tract to tract.⁴⁹



Sumber: Lee Inas, *Serkap*, Kuala Lumpur: Creative Enterprise, 1992, hlm. 25.

Berasaskan keadaan ini, Furnivall menjelaskan bahawa usaha meneroka dan mengusahakan tanah di Burma dan seterusnya memiliki tanah tersebut hanya bersifat sementara. Kesan dari aktiviti peminjaman wang kepada Cettiar telah menyebabkan tanah mereka tergadai hingga menyebabkan di kawasan delta di Burma, sebahagian besar tanah di miliki oleh orang asing termasuklah golongan Cettiar. Berdasarkan kejadian yang berlaku di Burma ini, kajian ini

akan cuba menyelusuri pengaruh serta peranan Cettiar di Tanah Melayu. Adakah orang tempatan juga turut kehilangan tanah mereka kepada kalangan Cettiar kesan dari kegagalan mereka melunaskan pinjaman mereka?

Penelitian terhadap aktiviti Cettiar, didapati bahawa Cettiar turut memberi pinjaman kepada orang Melayu dari berbagai lapisan termasuklah golongan yang berkedudukan dari hieraki teratas dalam masyarakat. Kingsley Davis mengatakan, "...they [chettiers] appear to have provided credits to sultans, nobles and Malay peasants".⁵⁰ Syed Shaikh al-Hadi, satu nama yang tidak asing dalam sejarah Malaysia tidak terkecuali dari terbabit dengan Cettiar. Ketika zaman sukar pada penghujung 1920-an, kerana kesukaran dalam ekonomi, beliau telah meminjam sebanyak \$5000 dengan mencagarkan rumahnya. Kadar faedah yang dibayar pula adalah sebanyak 26% setahun.⁵¹ Malahan apabila beliau meninggal dunia pada 1934, hutang dengan Cettiar masih tidak selesai hingga menyebabkan Cettiar mengambil alih rumah yang telah dicagarkan tersebut.⁵²

Pengaruh Cettiar dalam lapisan atas hieraki sosial masyarakat Melayu ini turut digambarkan melalui dokumen-dokumen rasmi yang disimpan di Arkib Negara. Antara lain, terdapat dokumen yang menunjukkan bahawa Raja Muda Selangor telah meminjam sejumlah wang daripada KVAL Alagappa Chetty.⁵³ Dalam masa yang sama, pembabitan kelas usahawan Melayu dengan Cettiar digambarkan dengan begitu baik melalui filem Anak Bapak karya, lakonan dan arahan Tan Sri P. Ramlee yang diterbitkan pada 1968.

Dalam filem ini, P. Ramlee yang melakonkan watak anak seorang Dato yang kaya telah meminjam wang sebanyak \$3000 dari Chetty Lingam. Pinjaman ini dilakukan bagi membiayai kehidupannya yang mewah dan sering joli sebagaimana yang dibayangkan oleh senikata lagu Anak Bapak nyayian Saloma. Senikata tersebut menyebut, "*Kisah anak bapak, kisah cukup bijak, pinjam duit ceti, pasal suka joli*". Dari sudut yang lain, meskipun sekadar sebuah filem, namun sebagaimana filem-filem P. Ramlee yang lain, filem ini turut sarat dengan pengajaran dan penonjolan sejarah sosial masyarakat ketika zaman itu. Filem ini menunjukkan betapa aktiviti meminjam daripada Cettiar telah meluas di kalangan masyarakat Melayu kelas atasan ketika itu (dalam konteks ini kelas pengusaha).

Peraturan-peraturan yang mudah menyebabkan orang Melayu membuat pinjaman dengan Cettiar. Ini turut dibayangkan oleh filem Anak Bapak. Ketika Chetty Lingam datang untuk menuntut hutangnya, P. Ramlee telah meminta tempoh selama seminggu dan Chetty Lingam dengan mudah membenarkan permintaan tersebut. Selain itu, filem ini juga turut memaparkan ruang fikiran orang Melayu dengan Cettiar. Bagi orang Melayu, Cettiar merupakan seorang Tamil yang mempunyai tanda putih di dahi dan badan (tanda kasta), tidak memakai baju, sebaliknya memakai kain putih, sehelai kain seperti tuala melilit dilehernya, memakai talipinggang besar dan diikuti dengan sekaki payung hitam. Gambaran inilah yang wujud ketika membayangkan seorang Cettiar sebagaimana yang ditonjolkan melalui filem ini.⁵⁴

Sekiranya golongan atasan menggunakan perkhidmatan Cettiar sama ada untuk memenuhi keperluan perniagaan mahupun 'berjoli' (seperti dalam kes Anak Bapak), para petani Melayu pula menggunakan perkhidmatan ini untuk membiayai keperluan kewangan sama ada untuk menunaikan haji ke Mekah mahupun untuk majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan, berkhatan dan seumpamanya. Dalam keadaan ini, pinjaman yang dibuat biasanya bersandarkan kepada cagaran dalam bentuk tanah yang dimiliki oleh petani tersebut. Seorang pegawai kerajaan, Raja Mohar Raja Badiozaman ada menyatakan bahawa "*Orang Melayu memang terkenal dengan berbelanja besar seperti upacara perkahwinan terutama bagi anak sulung. Semakin banyak kerbau dan kambing yang dikorbankan, semakin tinggilah prestij sosialnya*".⁵⁵

Selain perkahwinan, orang Melayu juga meminjam wang atau menjual tanah mereka kepada Cettiar untuk tujuan naik haji. Isu ini telah menjadi isu yang diperkatakan pada 1920-an hingga 1930-an. *Majalah Guru* keluaran Jun 1929 misalnya ada mengulas hal ini. Antara lain majalah ini menyebut, "*Orang-orang kita, Jawa dan Sumatera yang selalu gemar menjualkan tanahnya kerana hendak naik haji buat mengambil serban dan kopiah putih wajiblah berfikir lebih jauh. Janganlah disebabkan berkehendakan gelaran haji tanahair kita dilucutkan kepada ceti atau dihumbankan ke tangan Cina atau Keling*". Malah dianggarkan bahawa antara 1874 hingga 1941, sejumlah \$500 juta telah digunakan oleh orang Melayu untuk pergi ke Mekah.⁵⁶ Dalam suasana yang demikian, maka pinjaman kepada Cettiar sememangnya menjadi antara pilihan yang ada kepada orang Melayu.

Secara keseluruhannya, bagi warga petani Melayu, pinjaman daripada Cettiar melibatkan tanah milik mereka yang dicagar dengan dikenakan faedah yang tinggi antara 24 peratus hingga 36 peratus.⁵⁷ Golongan Cettiar pula memberikan kaedah pinjaman yang mudah dan secara tidak langsung pinjaman ini sebenarnya merupakan satu "*penindasan yang mencengkam ekonomi orang Melayu*".⁵⁸ Kadar faedah yang tinggi akan menyulitkan peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka, malah dalam masa yang singkat sahaja, kadar faedah yang terpaksa dibayar berlipat ganda melebihi jumlah pinjaman asal. Oleh yang demikian, kerana peminjam gagal melangsaikan pinjaman mereka, Cettiar akan mengambil tindakan dengan mengambil tanah yang dijadikan cagaran tersebut untuk dijual. "*Biasanya tanah itu akan terus dimiliki oleh ceti [sic], kerana harganya bukanlah dinilai mengikut harga pasaran semasa sebaliknya berdasarkan jumlah pinjaman dan faedah yang berlipat ganda melebihi nilai tanah itu*".⁵⁹

Pembabitan petani Melayu dengan Cettiar dapat dilihat berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Paul H. Kratoska. Dengan memberikan tumpuan kepada keadaan di Krian, Kratoska telah mengatakan bahawa orang Melayu menjadikan Cettiar sebagai sumber utama untuk membuat pinjaman hingga akhirnya menimbulkan masalah. Krian merupakan sebuah kawasan penanaman padi utama di Tanah Melayu, dimana sistem pengairan moden telah dibina pada 1906.⁶⁰ Secara keseluruhannya, petani di Krian terdiri dari orang Melayu dan

berdasarkan kajian, Kratoska mengatakan bahawa jumlah pinjaman petani Melayu terhadap Cettiar adalah besar.⁶¹

Berdasarkan perangkaan Jabatan Pertanian, petani di Krian mempunyai pendapatan purata tahunan \$120. Pejabat Tanah pula mendapati bahawa petani yang mempunyai sekitar lima ekar sawah akan mempunyai sejumlah pinjaman \$100 hingga \$1000.⁶² Ini bermakna bahawa petani di Krian tidak akan mampu untuk membuat pembayaran balik pinjaman yang dilakukan. Keadaan menjadi semakin sukar apabila wang yang digunakan untuk membuat pembayaran itu digunakan pula untuk maksud lain sama ada untuk majlis perkahwinan dan sebagainya hingga menyebabkan potensi untuk tanah yang dicagarkan terlepas kepada kalangan Cettiar adalah sangat tinggi. Dalam melihat hal ini, Kratoska mengatakan:

The population of the Krian District consisted mainly of Malay rice farmers and indebtedness to Chettiars was common. As of 1908 there were eleven Chettiars firms in Parit Buntar, the headquarters town for Krian, and a total of twenty-one such firms in the district.⁶³

Selain keperluan yang disebutkan di atas, masyarakat Melayu juga melakukan pinjaman untuk membiayai perusahaan dan pertanian mereka, termasuklah mengusahakan ladang-ladang getah. Kesukaran mendapatkan pinjaman merupakan antara sebab utama mengapa orang Melayu melakukan pinjaman terhadap Cettiar dan apabila masalah ini menjadi serius, maka pihak British ketika itu telah cuba menyediakan peruntukan pinjaman pertanian, dengan harapan agar petani Melayu ini tidak lagi membuat pinjaman dengan Cettiar. Pada awal abad ke 20, sejumlah \$100,000 peruntukan disediakan kepada petani Melayu bagi menjalankan sebarang aktiviti berkaitan dengan pertanian. Walau bagaimanapun, didapati jumlah permohonan pinjaman adalah kecil. Pada 1908, hanya 10 orang petani di Selangor yang membuat pinjaman dengan jumlah keseluruhan \$1,500. Pada 1910, daripada peruntukan \$100,000, jumlah pinjaman orang Melayu hanyalah berjumlah \$33,000 sahaja.⁶⁴

Para petani Melayu didapati tidak suka membuat pinjaman tersebut kerana kesukaran-kesukaran yang terpaksa dilalui sebelum sesuatu pinjaman diluluskan. Mereka terpaksa menunggu lama, sekurang-kurangnya selama dua bulan, kuasa meluluskan pula terletak pada Residen, pinjaman pula tidak boleh melebihi 50% daripada anggaran nilai jualan tanah yang dicagarkan untuk jaminan pinjaman dan pinjaman melebihi \$500.00 pula tidak dibenarkan. Selain masalah tersebut, petani juga berhadapan dengan masalah pembayaran balik pinjaman yang singkat. Keadaan ini berbeza dengan pinjaman dari Cettiar. Ia bukan sahaja mudah, malah pembayaran balik pinjaman dapat dilakukan secara lebih fleksibel dan tidak terikat dengan masa. Pinjaman dengan Cettiar dapat diluluskan dalam tempoh sehari sahaja.

Dalam masa yang sama, Cettiar juga dikenali sebagai golongan yang 'baik hati' dan melayan pelanggan dengan baik. Malah, apabila hubungan antara Cettiar dengan peminjaman itu terlalu rapat, pinjaman yang sedikit tidak dikenakan sebarang cagaran. Berdasarkan keadaan ini, maka aktiviti peminjaman wang oleh Cettiar dapat hidup subur di kalangan orang Melayu. Cettiar disifatkan sebagai "*mild and gentle in disposition with a good name for honesty and even kindness to borrowers*".⁶⁵ Seorang Penghulu di Parit Buntar, Yeop Ibrahim bin Mohamed Zin ada mengatakan bahawa satu pertiga daripada penduduk kampungnya berhutang dengan Cettiar. Setiap keluarga dikatakan meminjam antara \$600.00 hingga \$800.00.⁶⁶

Walau bagaimanapun, oleh kerana Cettiar mengenakan kadar bunga yang tinggi, maka pinjaman yang dilakukan itu sangat sukar dilangsaikan. Kegagalan membayar hutang akan menyebabkan tanah mereka akan dilelong dan ia kerap berlaku terhadap kes-kes jumlah hutang yang melebihi \$1,000. Misalnya hutang Haji Mohammad Noh bin Haji Abdul Hadi dari Tanjung Piandang, Perak pada Arumugam Chettiyar sebanyak \$3,371.15 dan hutang Haji Sariah Bedah kepada Subramaniam Chettiyar sebanyak \$5,508.00.⁶⁷ Masalah kegagalan orang Melayu membayar pinjaman kepada Cettiar merupakan latar belakang penting yang membawa kepada pengenalan Undang-Undang TSM kemudiannya.

Berdasarkan bukti-bukti di atas, maka jelaslah bahawa pengaruh Cettiar telah melata di seluruh Tanah Melayu sama ada di bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar. Cettiar didapati bergiat cergas di daerah Krian sebagaimana yang diperkatakan oleh Kratoska. Cettiar juga beroperasi di Parit Buntar dan Tanjung Piandang di Perak. Malahan Cettiar turut wujud di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dalam tempoh sebelum perang terdapat sebanyak lapan buah kedai Cettiar. Gambaran lengkap mengenai keadaan kedai-kedai tersebut adalah seperti berikut:

Terdapat lapan kedai [Chettiar] di Kuala Pilah dimana selalu penuh dengan pelanggan. Kedai dijaga dengan bersih dan terdapat ruang di tengah selebar dua meter, tempat orang lalu lalang. Di setiap tepi laluan tersebut, terdapat pelantar simen setinggi setengah meter dari lantai dan di sini lima atau enam orang, masing-masing duduk bersila di bawah sebuah meja rendah... Mereka tidur di atas tikar yang kemudiannya digulung ke dinding pada siang hari. Seluruh lantai digilap dan bersinar. Mereka makan di lantai yang sama dan menggunakan daun pisang menggantikan pinggan.⁶⁸

Kesan Kemelesetan 1930-an

Kemelesetan dunia yang berlaku pada 1930-an turut memberikan kesan kepada keadaan ekonomi Tanah Melayu. Kemelesetan berlaku kesan daripada kejatuhan pasaran dan ketidakseimbangan pengeluaran dan harga. Ia adalah kesan langsung daripada peningkatan pengeluaran dunia selepas era Perang Dunia I hingga menyebabkan ketidakstabilan pasaran. Ia secara langsung memberi kesan buruk kepada negara terutama yang bergantung kepada pasaran luar seperti Tanah Melayu. Sebagai pengeluar utama barangan pertanian dan perlombongan, ekonomi Tanah Melayu sangat bergantung kepada keadaan pasaran di negara-negara lain.

Kemelesetan ekonomi ini juga turut mempengaruhi aktiviti Cettiar di Tanah Melayu. Ini kerana ketika itu, sejajar dengan kejatuhan harga getah di pasaran dunia, harga getah di Tanah Melayu juga menjunam dengan teruk. Cettiar yang memiliki ladang getah menghadapi masalah dan mengalami kerugian.⁶⁹ Sumber pendapatan mereka melalui sewa rumah juga turut terjejas, apabila rang undang-undang penyewaan rumah telah diperkenalkan oleh pihak British.⁷⁰ Tekanan ekonomi di India sendiri telah menyebabkan ada di antara masyarakat Cettiar yang terpaksa balik ke India bagi menguruskan aktiviti mereka di Madras. Berbagai-bagai permasalahan yang dihadapi oleh Cettiar ketika zaman kemelesatan ini menjadi panduan yang sangat penting kepada mereka. Dalam usaha untuk menyatukan masyarakat dalam menghadapi zaman susah tersebut, masyarakat Cettiar telah menubuhkan dewan-dewan perniagaan yang dikenali sebagai *Nattukottai Chettyar Chambers of Commerce*. Dewan Perniagaan ini bertanggung jawab menyelaras dan membantu anggota-anggotanya dalam melicinkan lagi aktiviti mereka di Tanah Melayu.⁷¹

Kemelesetan ekonomi telah menyebabkan harga komoditi jatuh dan ia secara langsung menjejaskan peminjam-peminjam yang bergantung kepada keuntungan daripada aktiviti jual-beli komoditi tersebut untuk membuat pembayaran pinjaman mereka. Keadaan ini telah memaksa golongan Cettiar untuk mengambil alih tanah sebagai cagaran kepada pinjaman yang dilakukan. Di Tanah Melayu, pada 1930, sejumlah \$125 juta pinjaman yang diberikan oleh Cettiar adalah kepada kalangan petani. Daripada jumlah ini 75% adalah kepada pemilik ladang Cina sementara 25% lagi kepada orang Melayu. Dari jumlah tersebut, sejumlah \$5 juta hutang yang berjaya diperolehi oleh Cettiar adalah dalam bentuk Tanah Simpanan Melayu.

Di Perak, Andrew Clandelcott, selaku Residen mengatakan bahawa pinjaman yang dibuat oleh kalangan petani dinegeri itu telah mencapai \$10.5 juta. Di negeri yang sama, pada 1930, sebanyak 145 hektar tanah telah diperintah oleh mahkamah untuk dijual kerana kegagalan peminjamnya melunaskan hutangnya dengan Cettiar, malah secara keseluruhannya, pada 1934, hutang orang Melayu adalah sebanyak \$3.980.009. Daripada jumlah itu, hutang orang Melayu kepada orang India berjumlah 2,054,577.43 atau kira-kira 51.6%.⁷² Data ini diperolehi daripada tulisan Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*.

Walaupun data beliau hanya menyebut perkataan India, maka berdasarkan tafsiran penulis, India yang dimaksudkan di sini tentulah merujuk kepada kalangan Cettiar yang sememangnya terbabit secara langsung dalam memberikan pinjaman wang kepada orang Melayu ini. Jumlah hutang orang Melayu kepada Cettiar mengikut negeri adalah seperti berikut:

Hutang Orang Melayu Dengan Menggunakan Tanah Simpanan Melayu 1934

	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang	Jumlah
India (Cettiar)	1,213,331.93	512,873.00	324,241.50	4,131.00	2,054,577.43

Sumber: Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, hlm. 139.

Dalam masa yang sama, kesulitan yang dihadapi oleh orang Melayu ketika ini juga mendedahkan mereka kepada Cettiar dan juga spekulator tanah yang bersedia mengambil alih kesukaran tersebut dengan membeli tanah-tanah di kalangan yang bermasalah ini dengan harga yang rendah. Keadaan ini telah menyebabkan satu rang undang-undang dibentuk pada 1931 bagi menghadkan penjualan tanah kerana masalah hutang dengan Cettiar. Undang-undang mengenai hal ini diluluskan pada sebagai Undang-Undang Rezab Melayu dengan pindaan 1933 yang bertujuan menghalang pengambilan tanah oleh golongan Cettiar kerana kegagalan orang Melayu untuk menjelaskan hutang mereka.⁷³ Kehilangan Tanah Simpanan Melayu kepada orang asing telah menjadi isu yang sangat hebat diperkatakan sekitar awal 1930-an.

Keadaan ini secara langsung membabitkan Cettiar yang dikatakan menjadi antara kelompok penting yang mengambil alih tanah-tanah tersebut kerana kegagalan orang Melayu membayar kembali pinjaman yang dilakukan. Dasar-dasar kerajaan mengenai TSM kemudiannya menjadi semakin ketara dengan pelaksanaan Undang-undang berkaitan dengannya pada 1933. Cettiar yang melihat undang-undang ini akan menjejaskan perniagaan mereka di Tanah Melayu telah melakukan bantahan dan mereka telah meminta bantuan Tan Cheng Lock dan E. D. Sherne bagi menyatakan bantahan tersebut serta memastikan bahawa mereka tidak menjadi mangsa dalam perubahan dasar yang telah ditetapkan.⁷⁴

Selain itu, kemelesetan ekonomi ini juga telah menyebabkan Cettiar untuk terbabit dalam pinjaman jangka panjang, satu aspek yang tidak dilaksanakan sebelumnya. Cettiar juga telah membabitkan diri dalam berbagai bentuk aktiviti ekonomi. Pada 1925, O. A. R. Arunasallam Cettiar telah membabitkan diri dalam aktiviti pengeluaran getah di Johor melalui Syarikat Ayer Manis Estate Ltd. Syarikat Cettiar lain termasuklah PKN Group juga membabitkan diri dalam aktiviti yang sama, juga di Johor.⁷⁵

Apabila kemelesetan berakhir, didapati bahawa aktiviti Cettiar di Tanah Melayu semakin berkurangan. Meskipun masih aktif, namun pembabitan mereka lebih terhad berbanding sebelumnya. Hal ini berlaku kerana beberapa sebab. Pertama, perkembangan yang berlaku di Asia Tenggara dan di India sendiri. Di Asia Tenggara, era selepas 1930 menyaksikan kemunculan firma korporat China yang sedang bersaing dengan firma-firma korporat Jepun yang diikuti kemudiannya dengan perkembangan pesat dalam sistem perbankan barat. Di India pula, menyaksikan kejatuhan dalam pelaburan langsung oleh syarikat-syarikat Barat dan ia telah memberi ruang yang lebih besar kepada Cettiar untuk menumpukan perhatian mereka kepada aktiviti di India sendiri. Selain itu, satu jaringan perdagangan dan ekonomi penting juga telah dibuka membabitkan India dan Afrika yang dilihat lebih menguntungkan berbanding rantau Asia Tenggara dan Tanah Melayu.⁷⁶

Walau bagaimanapun, perkembangan yang berlaku pada era kemelesetan ekonomi itu tidak menamatkan sama sekali aktiviti Cettiar di Tanah Melayu. Ini kerana sebaik sahaja perang tamat, aktiviti Cettiar diteruskan. Perkembangan politik negara pula memasuki fasa yang penting. Bukan sahaja ia dikaitkan dengan idea Malayan Union tetapi juga membabitkan ancaman komunis melalui Parti Komunis Malaya. Di India pula, perkembangan politik memasuki era kemerdekaan apabila pada bulan Ogos 1947, India diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka.

Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi aktiviti Cettiar di Tanah Melayu. Dalam masa yang sama, aktiviti PKM dilihat semakin rancak antara 1947-1948. Lebih penting lagi, PKM dilihat turut berusaha untuk mendapatkan 'sokongan' dan 'bantuan' kewangan daripada kalangan Cettiar yang kaya. Bayaran ini sebenarnya lebih bersifat sebagai 'wang perlindungan' dan merupakan antara kaedah pihak komunis untuk mendapatkan kewangan mereka. Pihak kerajaan yang menyedari hal ini telah bertindak dengan menangkap beberapa 'talibarut' komunis di Johor apabila pada bulan Februari 1949, 14 orang Cettiar telah di tangkap di bahagian utara Johor dengan tuduhan memberi bantuan kewangan kepada pihak komunis. Selain itu 12 orang Cettiar turut ditangkap di Melaka dan Muar atas pertuduhan yang sama. Tangkapan-tangkapan ini telah menimbulkan keadaan panik di kalangan firma-firma Cettiar yang beroperasi di Tanah Melayu dan sebahagian daripada mereka telah menjual segala kepentingan mereka dan pulang ke India.⁷⁷

Kesimpulan

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa golongan Cettiar berada dalam kelas yang tersendiri dalam konteks kehadiran mereka ke Tanah Melayu. Keupayaan mereka untuk bertapak dan seterusnya memperluaskan operasi peminjaman wang di Tanah Melayu, merupakan sebahagian dari operasi golongan Cettiar di Asia Tenggara. Golongan Cettiar yang disifatkan sebagai komuniti komersil ini telah menambahkan rempah ratus kehadiran golongan

imigran ke Tanah Melayu. Mereka disifatkan sebagai kelompok minoriti yang mampu untuk berinteraksi dengan baik bukan sahaja dengan pihak berkuasa British, tetapi juga dengan agensi-agensinya, malah hubungan ini membolehkan aktiviti golongan Cettiar mampu berkembang dan bertahan sekian lama di Tanah Melayu. Malahan aktiviti Cettiar telah menjadi penghubung penting antara ekonomi Tanah Melayu dengan jaringan ekonomi yang lebih luas. Hal ini berlaku apabila golongan Cettiar turut terbabit meminjam wang daripada institusi-institusi kewangan yang lebih besar seperti Chartered Bank of India, Australia and China Bank dan Mercantile Bank sebelum menggunakan wang pinjaman tersebut dalam aktiviti pinjaman mereka kepada masyarakat tempatan dengan kadar bunga yang lebih tinggi.

Lebih penting lagi, aktiviti Cettiar bukan sahaja bertumpu ke kawasan-kawasan bandar, malah bukti menunjukkan bahawa pengaruh mereka turut meluas hingga ke kawasan pinggir bandar dan pedalaman. Dalam masa yang sama, operasi golongan Cettiar ini bukanlah bersifat individu sebaliknya ia bergerak sebagai sebahagian daripada bentuk jaringan komersialisasi yang lebih besar, melewati batas sempadan negara. Aktiviti Cettiar di Tanah Melayu merupakan sebahagian daripada jaringan aktiviti Cettiar di Burma malah di India sendiri. Ini bermakna bahawa keupayaan Cettiar untuk membentuk satu jaringan perniagaan yang moden telah menjadi asas penting dalam aktiviti mereka. Setiap Cettiar boleh bergerak dari satu kitangi ke satu kitingi dengan lebih mudah.

Melihat perkaitan antara orang Melayu dan Cettiar maka didapati bahawa antara pengikat penting hubungan ini adalah tanah. Sebagai pemilik tanah, orang Melayu yang membuat pinjaman dari Cettiar sebenarnya telah meneroka satu dimensi baru dalam konteks kedudukan tanah. Tanah kini telah mempunyai nilai dan penilaian inilah yang membolehkan ia digunakan sebagai asas cagar pinjaman. Hal ini pastinya berbeza dengan suasana yang berlaku pada abad ke-19, apabila orang Melayu tidak memberikan 'nilai kewangan' terhadap tanah. Tanah bersifat milik komunal, milik pemerintah dan tidak mempunyai pemilikan individu. Sesiapa sahaja boleh membuka tanah setelah mendapat keizinan dari penghulu mahupun pembesar tertentu. Walau bagaimanapun, keadaan ini berbeza pada abad ke-20 apabila setiap tanah mempunyai pemilik dan mempunyai nilai. Cagar terhadap sesuatu yang bernilai (dalam hal ini tanah) merupakan asas operasi Cettiar di Tanah Melayu. Ini bermakna, kajian Furnivall mengenai perkaitan antara tanah dan Cettiar di Burma (Myanmar) turut berlaku di Tanah Melayu.

Pengaruh Cettiar di Tanah Melayu yang semakin berkurangan sebaik sahaja kemelesetan ekonomi 1930 sebenarnya terus kekal hingga 1950-an apabila dianggarkan bahawa daripada keseluruhan pelaburan India di negara ini berjumlah RM 666,000,000, sekitar 75% daripadanya adalah dimiliki oleh golongan Cettiar. Berdasarkan jumlah ini, maka didapati bahawa pengaruh Cettiar sejak sekurang-kurangnya permulaan awal abad ke 19 terus menjadi aktif dalam aktiviti peminjaman wang dan perekonomian di Tanah Melayu.

Malahan kewujudan Cettiar itu bukan sahaja menjadi penting dalam lipatan sejarah negara, tetapi terus bersebuti dengan perkembangan masyarakat hari ini. Ia dapat diperhatikan daripada istilah 'ceti haram' yang digunakan bagi merujuk kepada aktiviti pemberian pinjaman wang tanpa lesen. Aktiviti 'along' atau 'ceti haram' ini terus berleluasa di negara ini.

NOTA

- ¹ Istilah 'maritime merchant' digunakan oleh Ashin Dasgupta dalam menjelaskan kemunculan tradisi perdagangan di kalangan masyarakat India. Lihat Ashin Dasgupta, 'The Maritime Merchant and Indian History', *South Asia: Journal of South Asian Studies*, Vol. VII, No 1, June 1984.
- ² *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 221.
- ³ Lihat Himanshu Prabha Ray, "Early Maritime Contacts Between South and Southeast Asia", *Journal of Southeast Asia*, Vol. XX, No 1, March 1989, Om Prakash, "The Trading World of India and Southeast Asia in the Early Modern Period", *Archipel*, Vol. 1, 1998 dan S. Arasaratnam, *The Chulia Muslim Merchants in Southeast Asia 1650-1800*, 10th Conference of the International Association of Historians of Asia, 27-31 October 1986, Singapore.
- ⁴ Muzafar Desmond Tate, *The Malaysian Indians: History, Problems and Future*, Petaling Jaya: SIRD, 2008, hlm. 29.
- ⁵ Lihat Sheila a/p Singaraju, *Sejarah Perkembangan Masyarakat Ceti Melaka Pada Pertengahan Abad ke-20*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 2000/2001, hlm. 40.
- ⁶ "History of Nattukottai Nagarathars", <http://www.sttemple.com/STT/english/chettiars.asp>, 30/12/2008
- ⁷ M. Nadarajan, "The Nattukkottai Chettiar Community and Southeast Asia", dlm. *Proceedings of the First International Conference Seminar of Tamil Studies*, Vol. 1, Kuala Lumpur: Department of Indian Studies, 1968, hlm. 252.
- ⁸ Lihat juga Hans-Dietar Evans, 'Traditional Trading Networks of Southeast Asia', *Archipel* 35, 1988, hlm. 96. M. Nadarajan telah mengembangkan lagi hal ini dengan memperkatakan mengenai persaingan dan tekanan yang diterima oleh kalangan Chettiar dari kerajaan Chola hingga menyebabkan berlaku pembunuhan beramai-ramai sekitar abad ke 8 Masihi hingga menyebabkan masyarakat Chettiar terpaksa melarikan diri dan menetap di kerajaan Pandya. Lihat M. Nadarajan, "The Nattukkottai Chettiar Community and Southeast Asia", hlm. 253.
- ⁹ S. Arasaratnam, *Aspects of the Role and Activities of South Indian Merchants C.1650-1750*, Conference-Seminar of Tamil Studies, 1966, hlm. 3.
- ¹⁰ John H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990*, Canberra: Macmillan, 2000, hlm. 99.
- ¹¹ Maxwell Fernando, "The Nattukottai Chettiar", <http://www.rootsweb.ancestry.com/~lkawgw/natchetty.html>, 30/12/2008.
- ¹² S. Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, hlm. 37 seperti dipetik dari J. M. Gullick, *A History of Kuala Lumpur, 1856-1939*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2000, hlm. 201.
- ¹³ Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, London: Macmillan, 1994, hlm. 174.

- ¹⁴ Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah: Tumpuan Khusus kepada Tanah Simpanan Melayu*, Petaling Jaya: Media Intelek, 1985, hlm. 53.
- ¹⁵ S. Jayaseela Stephen, 'Overseas Commercial Contacts Between Coastal Tamil Region in South India and Thailand AD 1500-1600', dlm. International Asian Historians Association Conference, 1986, hlm. 4.
- ¹⁶ Michael Adas, *The Burma Delta: Economic Development and Social Change on an Asian Rice Frontier, 1852-1941*, Madison: University of Wisconsin Press, 1974, hlm. 117.
- ¹⁷ Hans-Dietar Evans, 'Traditional Trading Networks of Southeast Asia', hlm. 97.
- ¹⁸ Ibid.
- ¹⁹ Ibid., hlm. 98.
- ²⁰ Ian Brown, *Economic Change in Southeast Asia, c. 1830-1980*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1999, hlm. 38.
- ²¹ Hans-Dietar Evans, 'Traditional Trading Networks of Southeast Asia', hlm. 97.
- ²² Ibid.
- ²³ Untuk mengetahui lebih mendalam mengenai masyarakat ini, lihat Khoo Kay Kim, 'Masyarakat Peranakan Melaka: Baba, Citti dan Serani', Kertas Kerja No 9, Bengkel Kepimpinan dan Kajian Kebudayaan Negeri Melaka, 1981. Lihat juga Sheila a/p Singaraju, *Sejarah Perkembangan Masyarakat Ceti Melaka Pada Pertengahan Abad ke-20*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 2000/2001.
- ²⁴ Sel Secretariat File (SSF), 2646/24, Surat Maxwell & Kenion kpd Setiausaha Kerajaan, Kuala Lumpur 29 Mei 1924.
- ²⁵ SSF, 2743/24, Note by Acting Controller of Labour, 24 June 1924.
- ²⁶ Hans-Dietar Evans, 'Traditional Trading Networks of Southeast Asia', hlm. 98.
- ²⁷ C. M. Nairs, *Indians in Malaya*, Koduvayur: t.p, 1937, hlm. 107.
- ²⁸ Wee Hock Chye, *Malacca Lama: Comfort Homes and Earlier Years*, Kuala Lumpur: Cetak Tama Sdn. Bhd., hlm. 94.
- ²⁹ "Origin of the Nattukottai Chettiars", <http://www.sttemple.com/STT/english.asp> 30/12/2008
- ³⁰ Hans-Dieter Evers, 'Traditional Trading Networks of Southeast Asia', hlm. 98.
- ³¹ Lihat John H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990*, Canberra: Macmillan and Australian National University, 2000, hlm. 57
- ³² Wee Hock Chye, *Malacca Lama: Comfort Homes and Earlier Years*, hlm. 94. Bank pertama yang ditubuhkan di Tanah Melayu ialah The Union Bank of Calcutta. Ia ditubuhkan pada 1840 di Singapura sebelum diikuti dengan Oriental Bank, the Asiatic Banking Corporation dan the Commercial Bank of India pada 1850-an. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat John H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990*, Canberra: The Australian National University, 2000, hlm. 79.
- ³³ Rajeswary Ampalavar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, hlm. 176.
- ³⁴ David Rudner, "Banker's Trust and the Culture of Banking among the Nattukkottai Chettiars of Colonial South India", dlm. *Modern Asian Studies*, Vol. 23, No 3, 1989, hlm. 420.
- ³⁵ A. Savarinatha Pillai, 'Monograph on Natukottai Chetties Banking Business', Madras Provisional Banking Enquiry Report, Part 3, written evidence, Madras, 1930, hlm. 1173-4, dipetik dari Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, hlm. 175.

- ³⁶ Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, hlm. 185.
- ³⁷ Lihat Wee Hock Chye, *Malacca Lama: Comfort Homes and Earlier Years*, hlm. 94.
- ³⁸ J. H. Drabble, *Rubber in Malaysia, 1876-1922*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1973, hlm. 39.
- ³⁹ John Gullick (ed.), *Selections from the Selangor Journal*, Kuala Lumpur: MBRAS, Reprint No 26, 2007, hlm. 316.
- ⁴⁰ Rajeswary Ampalavar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, hlm. 180.
- ⁴¹ J. H. Drabble, *Rubber in Malaysia, 1876-1922*, hlm. 70.
- ⁴² Rajeswary Ampalavar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, hlm. 182-183.
- ⁴³ John H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990*, hlm. 82.
- ⁴⁴ John Gullick (ed.), *Selections from the Selangor Journal*, hlm. 340.
- ⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 339.
- ⁴⁶ SSF, 2312/1915, Petition by Hindu residents kepada E.G Broadrick, 28 April 1915.
- ⁴⁷ David Rudner, "Banker's Trust and the Culture of Banking among the Nattukottai Chettiars of Colonial South India", hlm. 424.
- ⁴⁸ Muzafar Desmond Tate, *The Malaysian Indians*, hlm. 183 nota hujung no 6.
- ⁴⁹ J. S Furnivall, *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*, Cambridge: Cambridge University Press, 1948 seperti dipetik dalam Ian Brown, *Economic Change in Southeast Asia, c. 1830-1980*, hlm. 139.
- ⁵⁰ Kingsley Davis, *The Population of India and Pakistan*, Princeton: Princeton University Press, 1951, hlm. 37.
- ⁵¹ Alijah Gordon (ed.), *The Real Cry of Sved Svakh al-Hudy*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 1999, hlm. 96.
- ⁵² *Ibid.*, hlm. 101.
- ⁵³ Selangor Secretariat File (SSF), 2343/1909, Raja Muda Indebtedness to KVAL Alagappa Chetty.
- ⁵⁴ Filem Anak Bapak, arahan P. Ramlee, terbitan 1968.
- ⁵⁵ Raja Mohar Raja Badiozaman, "Malay Land Reservation and Alienation", *Intisari*, Vol. 1, No 2, hlm. 20 seperti dipetik dalam Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, hlm. 61.
- ⁵⁶ *Majalah Guru*, "Tanahair Kita", Jun 1929 seperti dipetik dalam Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, hlm. 191.
- ⁵⁷ Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, hlm. 53.
- ⁵⁸ *Ibid.*
- ⁵⁹ *Ibid.*
- ⁶⁰ Paul H. Kratoska, *The Chettiar and the Yeoman*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, Occasional Paper No 32, June 1975, hlm. 8.
- ⁶¹ *Ibid.*, hlm. 9.
- ⁶² *Ibid.*, hlm. 12.
- ⁶³ *Ibid.*, hlm. 18.
- ⁶⁴ Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, hlm. 56.
- ⁶⁵ Paul H. Kratoska, *The Chettiar and the Yeoman*, hlm. 12.
- ⁶⁶ Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*, hlm. 61.
- ⁶⁷ *Ibid.*, nota kaki 1, hlm. 188.

- ⁶¹ Mohd Yusoff Hj Ahmad, *Zaman-zaman yang Berubah*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara, 2008, hlm. 166-167.
- ⁶² Zainal Abidin Wahid (et.al.), *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 156-157.
- ⁶³ Wee Hock Chye, *Malacca Lama: Comfort Homes and Earlier Years*, hlm. 95.
- ⁶⁴ Ibid.
- ⁶⁵ Ahmad Nazari Abdullah, *Melayu dan Tanah*, hlm. 139." Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, hlm. 178.
- ⁶⁶ Lihat Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981, hlm. 6.
- ⁶⁷ Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital and Entrepreneurship in Southeast Asia*, hlm. 180 O. A. R. Arunassalam Cettuar merupakan antara tokoh penting masyarakat India di Tanah Melayu antara 1920-an hingga selepas perang. Beliau dilahirkan di Madras dan datang ke Tanah Melayu pada 1920-an. Pada 1933 beliau telah menubuhkan *Chettiars Merchants' Association* dan pada 1936 menubuhkan *Tiruvallur Library* yang menjadi antara pusat gerakan kesusasteraan tamil di negara ini. Pada 1938 beliau memulakan *Tamil Kody* iaitu akhbar mingguan yang menekankan kepada kesusasteraan dan kebudayaan Tamil. Beliau juga merupakan tokoh penting disebalik penubuhan *Tamil Pannai*. Beliau merupakan ahli aktif Liga Pembebasan India (IIL) ketika zaman perang dan merupakan pengasas Kongres Melaka yang ditubuhkan pada 1946. Beliau juga disifatkan sebagai seorang takan haik Tan Cheng Lock. Lihat Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change*, hlm. 213.
- ⁶⁸ Ibid., hlm. 188.
- ⁶⁹ Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-1957*, hlm. 58